**Insentif pemandu teksi** MS4



**Sertai *Ultra Marathon* & PBIM 2014** MS7&21



**Parkir MPSP kekal terendah** MS 24




PERCUMA

buletin Mutiara



Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 FEBRUARI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# TPS Jalan Utama kini selesa & bersih


Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**




**RUPA bentuk baru TPS Jalan Utama.**

**DATUK KERAMAT -** Penantian 50 penjaja di Tapak Penjaja Sementara (TPS) Jalan Utama (belakang Hospital Besar Pulau Pinang) di sini untuk menikmati dan berniaga di gerai yang lebih selesa dan bersih kini menjadi kenyataan hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Dengan peruntukan sebanyak RM336,398 (Fasa 1) dan RM448,824.50 (Fasa 2), TPS popular berusia lebih 16 tahun (mengikut rekod bertulis MPPP) yang kini siap diubahsuai menggunakan reka bentuk khas diharap mampu menjadi contoh serta model kepada tapak-tapak penjaja lain di negeri ini.

Malah, rata-rata peniaga yang ditemui pada majlis pelancarannya baru-baru ini menyambut baik dan berpuas hati dengan perubahan serta penaiktarafan yang dilakukan.

Salah seorang peniaga nasi Melayu, Mohd. Jamil Mamat, 53, berkata, penaiktarafan tersebut adalah perubahan positif yang memberi impak besar kepada mereka golongan peniaga di situ.

"Gerai dah berubah. Dulu tak elok sekarang dah jadi elok, dulu panas sebab bumbung rendah tetapi sekarang dah tak panas. Dulu kotor sekarang dah bersih. Malah, jualan seharian kami (para peniaga) meningkat berbanding dulu.

"Terima kasih pada Kerajaan Negeri, MPPP dan YB Jagdeep (Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo).

"Harap para penjaja di sini sama-sama menjaga kebersihan sepertimana yang dilaungkan Ketua Menteri dan jadikan tapak penjaja ini sebagai contoh," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Baru-baru ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, iaitu Jagdeep, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari serta Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye hadir merasmikan TPS Jalan Utama setelah selesai dinaiktaraf.

TPS Jalan Utama merupakan projek naik taraf kompleks makanan yang ke-10 oleh MPPP.

TPS berkonsepkan penjaja lazimnya wujud sejak tahun 1990-an dengan terbahagi kepada Zon A dan Zon B.

Kompleks makanan baru terbabit mengaplikasikan bumbung baharu berbilang tingkat bagi pengalihudaraan yang baik; lantai berkonsepkan konkrit bercetak bagi mengelakkan kelicinan lantai; gerai dilengkapi pendawaian

*(sambung di muka surat 3)*




**MOHD. Jamil Mamat.**

# KN beri sokongan polis siasat kes balingan bahan letupan

**BUKIT TENGAH** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melawat Balai Polis Bukit Tengah bagi mendapatkan maklum balas lanjut berhubung insiden balingan bahan letupan di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) tentulah akan memberi sokongan sepenuhnya kepada pihak polis untuk menyiasat kerana insiden seumpama ini pertama kali berlaku di negeri ini," ujarnya kepada media pada sesi lawatan khas berkenaan.

Guan Eng yang juga Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Negeri, Asisten Komisioner (ACP) Nasir Salleh dan ACP Azman Abd. Lah (Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah).

Hadir sama, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Ng Wei Aik (Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri), P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) dan Ong Chin Wen (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bukit Tengah).



**KETUA Menteri memberi maklum balas berhubung insiden balingan bahan letupan sambil ditemani Nasir Salleh (kanan sekali) pada sesi lawatannya di sini baru-baru ini.**

Bercakap pada sidang media sama, Nasir berkata, pihaknya masih belum mempunyai sebarang petunjuk berhubung kes terbaru itu.

Bagaimanapun, katanya, pihak polis akan meneruskan siasatan serta menggandakan kawalan keselamatan di kawasan-kawasan berwajib demi mengekalkan ketenteraman di negeri ini.

"Kita berharap orang awam tampil jika ada maklumat kerana kita tidak boleh menahan mana-mana pihak tanpa sebab.

"Ini kes jenayah terpencil...tiada kaitan dengan (balingan bahan letupan buat sendiri) *'molotov cocktail'* di gereja (dekat Jalan Farquhar, George Town) sebelum ini," jelas beliau.

Semalam, beberapa suspek tidak dikenali sekitar jam 4.20 pagi bertindak membaling bahan letupan jenis mercun ke perkarangan Balai Polis Bukit Tengah.

Bagaimanapun, empat anggota polis yang bertugas tidak tercedera dek perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut.



**KESAN balingan bahan letupan di Balai Polis Bukit Tengah.**

# Tuntut segera pulih Sg. Batu Feringgi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Kementerian Teknologi, Tenaga Hijau dan Air didesak segera memulihkan kebersihan air Sungai Batu Feringghi walaupun Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) sebagai syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan tetap nafi sebagai punca pencemaran sungai tersebut di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah memulihara sungai itu menurut Perlembagaan Persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.

"Yang perlu ditekankan, segera hentikan pencemaran sungai ini dulu. Kedua, kita anggap IWK puncanya, tetapi, mereka telah nafi serta tidak mahu menanggung kos (pemuliharaan sungai itu).

"Bolehkah dilihat kadar kemusnahan air semulajadi sungai ini. Bolehkah seseorang sahaja yang melakukannya. Ini adalah tindakan sebuah industri, bukan kerja perseorangan.

"Malangnya, sebuah Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa yang lebih, melainkan (perlu) kuasa Kerajaan Persekutuan untuk (memulihara) sungai ini," ujarnya kepada media selepas mengadakan interaksi dua hala dengan IWK di sini baru-baru ini.

IWK diwakili Ketua Pengarah Eksekutifnya sendiri, Datuk Ir. Abdul Kadir Mohd. Din.



**AIR kumbahan yang mengalir memasuki Sungai Batu Feringghi di sini.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), barisan Exco Kerajaan Negeri serta beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut menyertai interaksi dua hala itu.

Hadir sama, wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Sebelum itu, Abdul Kadir berkata, IWK ada melepaskan air kumbahan, tetapi, tidaklah sampai mencemar sungai.

Justeru, menurut Abdul Kadir, IWK tidak wajar menanggung kos pemuliharaan sungai tersebut sebagaimana dicadangkan oleh Guan Eng memandangkan kerja-kerja tersebut bukan urusan syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan itu.

Tuntas itu, Guan Eng berkata, pihaknya akan meminta Putrajaya segera menangani isu pencemaran sungai tersebut demi masa depan Pulau Pinang.

Terdahulu, loji rawat olahan kumbahan IWK (PEG073) di Jalan Batu Feringghi didakwa menghadapi masalah kebocoran.

Kemunculan bahan hitam yang sangat pekat di muara Sungai Batu Feringghi itu dikatakan berpunca oleh kobocoran loji pembentung tersebut walaupun IWK menafikan hal tersebut.




**IR. Abdul Kadir Mohd. Din (depan, kanan sekali) ketika taklimat dan interaksi dua hala bersama Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

# Program Naiktaraf Pasar/Kompleks Julung Kali Selepas 50 Tahun

## Kompleks Bukit Gedung

- Tidak pernah dinaiktaraf sejak 1997.
- Setaraf kompleks makanan luar negara.
- Membabitkan kos naiktaraf RM1.55 juta.



SEBELUM.




BERWAJAH baru.

## Kompleks Pasar Awam Teluk Bahang

- Tidak pernah dinaiktaraf sejak 1987.



LAWATAN bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



BERWAJAH baru.

## Kompleks Penjaja Padang Brown

- Tidak pernah dinaiktaraf sejak 1965.
- Wajah baru, sewa kekal.
- Dilengkapi surau.



KEADAAN kini.



LAKARAN kompleks baru.

## Pasar Awam Sri Bandar

- Tidak pernah dinaiktaraf sejak dibina pada awal tahun 1980-an.



SEBELUM.



SELEPAS.

# MPPP terus konsisten naik taraf tapak penjaja

*(Dari muka surat 1)*

baru; perpaipan baru; dinding berjubin; sinki; tingkap gelongsor; perangkap minyak dan sampah bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan dan nilai estetika.

Bagi peniaga minuman K. Krishnan, 52, ternyata berpuas hati setelah gerainya dinaiktaraf.

"Selama saya berniaga di sini sejak datuk, ayah hinggalah saya dalam tempoh 45 tahun, gerai di sini tidak pernah dinaiktaraf oleh kerajaan lama.

"Bersyukur kepada Kerajaan Negeri dan MPPP yang berjaya melakukan pembaharuan di sini. Kini, kami lebih bersemangat untuk berniaga. Kedai pun bertambah bersih, harap pelanggan pun semakin ramai nanti," ujar beliau.

Dalam pada itu, Aing Thye berkata, pihaknya (MPPP) akan terus konsisten dalam menaiktaraf dan memberikan keselesaan tapak penjaja di negeri ini.

"Sejumlah RM27 juta telah diperuntukkan oleh MPPP selama lima tahun bermula pada 2009 hingga 2013 bagi kerja-kerja menaiktaraf tapak penjaja sementara (TPS), pasar dan kompleks makanan di negeri ini," jelasnya.

Dalam ucaptama, Guan Eng menekankan bahawa hasrat Kerajaan Negeri melalui MPPP sebagai badan pelaksana bukan sahaja untuk menaiktaraf semata-mata, bahkan lebih daripada itu iaitu mengharapkan satu keadaan yang lebih selesa dan bersih kepada 50 orang penjaja untuk berniaga.

"Jika dulu penjaja terpaksa berniaga dalam keadaan yang tidak bersih dan sebagainya, tetapi kini mereka (penjaja) boleh berniaga dengan lebih tenang dan bermaruah berbanding dahulu yang hanya berniaga ikut nasib.

"Perubahan yang kita lakukan adalah berhemah dan bertimbang rasa. Bukan sahaja nak lihat perubahan di peringkat atasan, tetapi, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ingin juga lihat perubahan di peringkat bawahan," kata beliau.



**SEBELUM dinaiktaraf.**




**TPS Jalan Utama setelah dinaiktaraf.**

**Insentif Kerajaan Negeri kepada pemandu teksi, teksi lapangan terbang dan kereta sewa.**

Laporan : **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI** Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & SHUM JIAN-WEI**

# Rayu Putrajaya beri permit langsung pemandu teksi sebenar




KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama para penerima insentif menunjukkan tanda bagus pada majlis penyerahan sumbangan peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

**BUTTERWORTH -** Kerajaan Negeri merayu pada Putrajaya supaya memberi permit langsung kepada pembandu teksi sebenar di Pulau Pinang, sebagaimana Pakatan Rakyat cadangkan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu lebih menguntungkan pemandu teksi berbanding syarikat-syarikat kroni tertentu.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut membuat rayuan terbuka semasa majlis pemberian insentif kali kedua kepada pemandu teksi, teksi lapangan terbang dan kereta sewa peringkat Seberang Perai, kerana menganggap golongan berkenaan memberi perkhidmatan pengangkutan awam terbaik di negeri ini.

"Ini (pemberian insentif) adalah janji Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang untuk mengurangkan beban pemandu-pemandu teksi.

"Sumbangan itu terus kepada pemandu teksi yang sebenar kerana kita (Pakatan Rakyat) tiada kuasa untuk memberi permit secara langsung kepada pemandu teksi supaya mereka boleh dapat untung.

"Sudah sampai masanya untuk Putrajaya memberikan lesen teksi kepada pemandu yang sebenar, bukan kepada syarikat-syarikat kroni," ujarnya di Dewan Haji Datuk Ahmad Badawi di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Abd. Malek Darus (Yang di-Pertua Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Pemandu Kereta Sewa Kawasan Pulau Pinang) turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Maktar Shapee (Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang).

Kali pertama sumbangan insentif serupa diperkenalkan adalah pada bulan Julai tahun lepas.

Bermula tahun ini (2014), bayaran insentif dilakukan dua kali setahun iaitu RM300 pada awal tahun dan hujung tahun (RM300).

Kali ini, seramai 742 penerima sekitar Seberang Perai menerima sumbangan serupa untuk kali yang kedua.

Itu, tidak termasuk 1,556 pemandu lain sekitar bahagian pulau, yang menerima sumbangan serupa pada satu majlis berasingan.

"Jumlah keseluruhan insentif pada kali ini ialah hampir RM700,000 (RM869,400)," ujar Guan Eng sambil mengharapkan semua penerima terus memberikan perkhidmatan terbaik demi mereputasi imej Pulau Pinang.



**M.Gankatharan,** 58, dari Tanjung Tokong yang memandu teksi sejak 10 tahun lepas pula mengaku bahawa hasrat meluluskan permit langsung kepada pemandu teksi adalah di bawah bidang kuasa Putrajaya.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri di bawah Guan Eng telah melakukan inisiatif terbaik untuk membela nasib pemandu teksi berdasarkan bidang kuasa yang sedia ada di bawah Kerajaan Negeri.

"Ketua Menteri telah melakukan apa yang terbaik sebagai Kerajaan Negeri, saya berharap (pemberian) insentif ini dilakukan tiap-tiap tahun," ujar Gankatharan.

## Gembira terima insentif RM300

**BUTTERWORTH -** Seramai 2,298 pemandu teksi, teksi lapangan terbang dan kereta sewa yang menerima sumbangan insentif berjumlah RM300 untuk kali kedua daripada Kerajaan Negeri tetap melahirkan rasa gembira walaupun rancangan meluluskan permit teksi langsung yang dikemuka Pakatan Rakyat jika mengambil alih Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas tidak kesampaian..



ABD. Malek Darus.

Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Pemandu Kereta Sewa Kawasaan Pulau Pinang, Abd. Malek Darus berkata, Kerajaan Negeri diharap meneruskan program insentif tersebut demi manfaat semua anggota persatuan gabungannya.

"Y.A.B. Ketua Menteri (Tuan Lim Guan Eng) pun pernah berkata, andai kata tiada sumbangan yang baik untuk Kerajaan Negeri, insentif seumpama ini pun akan ditamatkan.

"Kita (anggota persatuan gabungan) berharap insentif seumpama ini diteruskan. Kalau boleh ditambahkan dengan syarat kita pun memberikan perkhidmatan paling baik untuk Pulau Pinang," ujar Abdul Malik semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Pemberian Insentif Kepada Pemandu Teksi, Teksi Lapangan Terbang dan Kereta Sewa Bahagian Seberang Perai di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini baru-baru ini.



Bagi **Aziz Ninamsa,** 69, beliau menyokong pemberian insentif kepada pemandu teksi ini diteruskan.

"Pemberian macam ni bagus, sekurang-kurangnya cukuplah, dapat meringankan beban perbelanjaan harian," katanya yang telah 18 tahun berkhidmat sebagai pemandu teksi di Bayan Baru.



**Mohd. Yusof Mohamod,** 61, dari Bukit Mertajam yang memandu teksi lebih 30 tahun pula berkata, pemandu-pemandu teksi masih boleh bekerja keras untuk mendapat untung, walaupun permit-permit teksi ini dilesenkan melalui persatuan-persatuan koperasi masing-masing.

"(Lesen-lesen) ini kebanyakannya yang dapat atas koperasi, yang pemandu-pemandunya tetap kita sendiri.

"Kita perlu kerja kuat untuk dapat untung yang lebih...dapat RM300 insentif ini pun sebab kita kerja kuat (dengan) beri perkhidmatan terbaik untuk Pulau Pinang," ujar Mohd. Yusof.



Bagi **Teoh Cheng Loik ,** 47, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas sumbangan yang diberikan.

"Ini macam *'angpau'* daripada Kerajaan Negeri, dapat kurangkan beban untuk belanja (perbelanjaan) teksi," katanya.



**Chin Yong Khee,** 65, dari Chai Leng Park yang memandu teksi lebih 30 tahun berkata, beliau secara peribadi tetap menghargai apa jua inisiatif yang menguntungkan pemandu-pemandu teksi berwajib.

"Lima tahun, sudah minta (permit langsung teksi), tetapi tak jawab (tidak dilaksanakan).

"Tetapi, saya sendiri gembira kerana sudah dapat dua kali tawaran RM300 ini dari Kerajaan Negeri," ujar Yong Khee.



**Ghani Abdul Aziz,** 70, turut menyambut baik pemberian insentif tersebut dan berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan menaikkan jumlah pemberian kepada RM1,000 setahun.

"Situasi la ni (sekarang ini) tak menentu, kadang-kadang dapat ramai penumpang, kadang-kadang tu tak ada langsung. Jadi, dapat sumbangan ni, legalah sikit," katanya.

# Persiaran Rajawali manfaat 5,000 penduduk

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** Dalam usaha menangani dan mengurangkan kesesakan lalulintas, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerjasama pemaju mengambil langkah melaksanakan beberapa projek menaiktaraf, melebar jalan dan mewujudkan sistem aliran trafik serta simpang yang lebih sistematik di sini.

Terbaru, inisiatif pelebaran sebahagian Jalan Tun Dr. Awang sepanjang lebih kurang satu kilometer dari Bulatan Bayan Lepas dan pengwujudan pusingan 'U' di sini melibatkan kos RM12 juta bukan sahaja mampu mengurangkan kesesakan lalulintas sebanyak 20 peratus di kawasan tersebut, malah memberi keselesaan kepada pengguna laluan berkenaan.

"Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap sebarang masalah dan berusaha untuk menanganinya secara berterusan, dan tentunya dengan bantuan PBT dan pihak pemaju berwajib." ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir merasmikan Majlis Ringkas Pembukaan Jalan Sambungan Baru dan Pelebaran Jalan dekat sini baru-baru ini.

Projek yang dikelola secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh pemaju, *Ideal Property Group* (Ideal) turut melibatkan pembukaan jalan sambungan baru (dinamakan sebagai Persiaran Rajawali) yang menghubungkan Jalan Dato' Ismail Hashim ke Jalan Tun Dr. Awang.

"Jalan sambungan baru sepanjang 500 meter itu mampu memanfaatkan kira-kira 5,000 penduduk yang berulang alik antara Sungai Ara dan Bayan Lepas dengan memendekkan jarak dan masa perjalanan mereka.

"Secara tidak langsung, laluan alternatif ini mampu menguraikan kesesakan lalulintas pada waktu puncak terutama di Jalan Bayan Lepas, Jalan Bayan dan Jalan Dato' Ismail Hashim," jelas beliau.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan Pengerusi Eksekutif Ideal, Datuk Alex Ooi.



**KETUA Menteri bersama-sama dif-dif kehormat menyempurnakan simbolik penanaman pokok pada Majlis Ringkas Pembukaan Jalan Sambungan Baru dan Pelebaran Jalan di sini baru-baru ini.**

Dalam majlis sama, Guan Eng turut menyempurnakan majlis simbolik penanaman pokok baru sebagai inisiatif penghijauan sepanjang laluan tersebut.

Difahamkan, sebanyak 200 batang pokok baru telah ditanam dan 90 batang pokok lagi ditanam semula.

Ini termasuk mewujudkan sebuah taman istirahat dan juga laluan basikal sepanjang laluan terbabit.

## Tuntut Putrajaya tunai 'janji berkembar' PM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Putrajaya terus dituntut untuk menunaikan 'janji berkembar' Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang dibuat menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas kononnya demi rakyat Pulau Pinang, iaitu membina 20,000 unit rumah mampu milik dan perkhidmatan monorail awam.



**BEBERAPA pengunjung memerhatikan lokasi projek perumahan pada MAPEX di sini baru-baru ini.**

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Kerajaan Pusat selepas tahun 2008 hanya membina 70 unit rumah kos rendah atau Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri berkenaan.

"Yang (dibina) hanya 70 unit (PPR), iaitu iaitu jumlah yang paling kecil di antara semua negeri di Malaysia," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Pameran Hartanah Malaysia Pulau Pinang 2014 (MAPEX) di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan dan Dr. Teoh Poh Huat (Pengarah Henry Butcher Pulau Pinang).

Walaupun rakyat Pulau Pinang seakan dilayan dingin oleh Kerajaan Pusat, Guan Eng berkata, projek pembangunan bercampur termasuk pengoperasian gedung perabut terkemuka dunia IKEA di Taman Perindustrian Batu Kawan serta pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dalam tempoh terdekat ini diharap turut mengembangkan ekonomi di negeri berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng berkata, pengenaan levi 3 peratus kepada bukan warganegara serta 2 peratus kepada warganegara yang menjual hartanah dalam masa tiga tahun selepas 1 Mac depan sebenarnya demi melindungi kepentingan pembeli sebenar rumah mampu milik di negeri ini.

Pada majlis sama, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada Jerry dan Poh Huat atas penganjuran pameran antarabangsa MAPEX tersebut.

## Polis Bantuan awasi aset air negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Seramai 11 anggota polis bantuan Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) menerima sijil tamat latihan kelompok pertama demi menjaga kepentingan aset perbadanan berkenaan.



**SEBAHAGIAN anggota polis bantuan PBAHB (barisan depan) yang hadir pada Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Polis Bantuan PBAHB di sini baru-baru ini.**

Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Ir. Jaseni Maidinsa pada ucapannya menyatakan bahawa betapa pentingnya penubuhan pasukan polis bantuan demi menjaga kepentingan aset PBAHB yang sentiasa terdedah kepada aktiviti jenayah.

"Ini merupakan satu aspek penting bagi memastikan semua aset-aset PBAHB sentiasa berada dalam keadaan selamat dan ini juga diperakui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebelum ini," katanya pada Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Polis Bantuan PBAHB di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi mewakili Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah Bukit Aman, Datuk Wira Ayub Yaakob.

Pada sesi tersebut, Jaseni turut menayangkan video proses pengagihan air di Pulau Pinang bermula dari sungai utama meliputi sembilan loji rawatan air, kolam takungan air (65), menara takungan air terawat (40) dan stesen pam (87) yang membekalkan air kepada 533,916 pelanggan berdaftar di seluruh negeri Pulau Pinang.

Guan Eng yang juga merangkap Pengerusi PBAHB berkata, peranan polis bantuan tersebut dilihat begitu penting memandangkan premis dan lokasi PBAHB sentiasa terdedah kepada berlakunya kegiatan jenayah seperti kecurian dan sebagainya.

"Saya juga difahamkan, mengikut Arahan Tetap Sasaran Penting di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, beberapa kawasan terutama loji saringan, kawasan empangan, rumah pam, sesalur agihan dan terusan air telah dikenalpasti sebagai sasaran penting di mana jika berlaku kerosakan, ianya akan mengakibatkan kesan yang amat buruk terhadap ekonomi atau keselamatan negara serta fungsi-fungsi kerajaan.

"Selain itu, polis bantuan juga boleh menjadi mata dan telinga kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mencegah kejadian tidak diingini di samping menjaga imej pasukan beruniform supaya dipandang tinggi," ujar beliau.

Dalam pada itu, Abdul Rahim menyatakan bahawa pengambilan meliputi 11 anggota kelompok baru polis bantuan bakal menjalani latihan pada awal Mac 2014.

"Pengambilan berperingkat-peringkat ini akan diteruskan sehingga tempoh tiga tahun dan kelompok pertama ini akan ditugaskan menjaga loji utama Sungai Dua, Seberang Perai Utara," jelasnya.

# Rumah Terbuka Tahun Baru Cina serlah rakyat negeri harmoni

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAYAN LEPAS –** Lebih 3,000 hadirin pelbagai bangsa tidak putus-putus mengunjungi Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng yang diadakan di *Subterranean Penang International Conference & Excibition* (sPICE) di sini baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff turut hadir pada keraian selama hampir empat jam itu, bermula seawal 9.30 pagi.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang dan isteri, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta kepimpinan negeri dari pelbagai peringkat.

Rakyat berbilang kaum berpusu-pusu saling bersalaman dan bergambar kenang-kenangan dengan pemimpin-pemimpin utama negeri.

Pelbagai juadah enak disediakan untuk hadirin, termasuk komuniti Islam.

Tarian naga, persembahan muzik tradisi Cina, nyanyian lagu tradisi oleh komuniti warga emas serta persembahan tarian daripada Persatuan Kebudayaan Pulau Pinang antara yang menarik di pentas utama keraian itu.

Seperti tahun-tahun lepas, kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah tidak melepaskan peluang mendapatkan angpau daripada Gek Cheng.

Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri, Ng Wei Aik dalam satu reaksi spontan berkata, rumah terbuka itu mencerminkan kesederhanaan tulen rakyat dalam menyuburkan keharmonian kaum di negeri berkenaan.

"Pengunjung yang berbilang kaum dan agama di rumah terbuka ini bukti rakyat Pulau Pinang mementingkan keharmonian kaum, bukan politik perkauman," ujarnya pada majlis keraian berkenaan.

Sementara itu, Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang turut diadakan di Dewan Ng Yam Huat, Bukit Mertajam di sini.

Abdul Rahman serta isteri turut hadir bagi memeriahkan majlis berkenaan.



ABDUL Rahman Abbas (dua dari kanan) beramah-mesra dengan kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang.



PARA pengunjung yang hadir Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri di sPICE.



GANDINGAN mantap pengacara majlis Marziah Mohamed Mukhtar dan Wong Kim Fei pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri.



MAJIMOR Shariff (duduk, bertudung) mengambil buah limau daripada 'singa' yang membuat persembahan khas.



PERCIKAN bunga api yang mewarnai sambutan Tahun Baru Cina di kuil Kek Lok Si, Air Itam.

## Jelajah Penang Sihat demi kebajikan & kesihatan rakyat

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI BAKAP –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap rakyat dapat mengambil peluang menjalankan pemeriksaan kesihatan dan dapatkan khidmat nasihat secara percuma menerusi program Jelajah Penang Sihat anjuran bawah portfolio beliau di sini baru-baru ini.

Katanya, program berkenaan adalah mensasarkan pendekatan kepada rakyat negeri ini yang berpendapatan rendah.

"Ini merupakan satu platform yang membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat kebajikan dan kesihatan rakyat kerana menyedari masih ramai lagi yang tidak mengendahkan tahap kesihatan diri sendiri.

"Justeru, diharap dengan adanya program jelajah ini, penduduk dapat amalkan gaya hidup sihat dan mencegah penyakit sekaligus menjadikan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat satu realiti,'' katanya pada program Jelajah Penang Sihat Siri-2 di sini baru-baru ini.

Penganjuran program Jelajah Penang Sihat yang menumpukan kepada golongan kurang mampu adalah hasil kerjasama Kerajaan Negeri bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Islamic Medical Association of Malayisa* (IMAM), Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) dan *Hearing Partners*.

Turut hadir, ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Maktar Shapee dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Tasek, Mohd. Said Mohd. Zain.

Dalam pada itu, Afif turut berharap supaya program berkenaan dapat melahirkan pasukan bertindaknya sendiri di negeri ini.



DR. Afif Bahardin (kiri sekali) sedang memeriksa telinga salah seorang pengunjung dalam penganjuran program Jelajah Penang Sihat Siri-2 di sini baru-baru ini.

# *Ultra Marathon 2014* komited tarik peserta global

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Buat julung kalinya, Pulau Pinang bakal menjadi tuan rumah penganjuran acara larian, *Ultra Marathon 2014* yang menjanjikan cabaran kental dari segi mental dan fizikal pada 6 September ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada pengumuman tersebut menyatakan bahawa objektif penganjuran acara tersebut adalah untuk menjadikan negeri ini sebagai salah satu destinasi larian yang menarik selain menggalakkan gaya hidup sihat, serta mempromosikan tempat-tempat menarik.

"Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan acara ini sebagai penganjuran larian bertaraf antarabangsa.

"Kita amat komited dan sedaya upaya menjadikan acara ini antara yang terbaik serta mampu diadakan setiap tahun di samping menarik penyertaan antarabangsa," katanya pada sidang media pengumuman penganjuran acara berprestij berkenaan di sini baru-baru ini.

Penganjur utama *Ultra Marathon 2014* adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *BetterPenang* dengan kerjasama syarikat pengurusan acara, *ActiveStyle Concept*, Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP),

Turut hadir pada sidang media berkenaan, Pengerusi *BetterPenang*, Andrew Loh Lean Hock.

Menurut Lean Hock, kategori pertandingan terbahagi kepada tiga iaitu larian meliputi 50 kilometer (km), 84km serta 100km.

"Laluan adalah merangkumi kawasan strategik dan menarik seperti kawasan perkampungan, pantai, hutan hijau, bandar warisan serta laluan mencabar.

"Bagi mereka yang menyertai acara larian 100km, laluan bertambah menarik apabila para peserta dikehendaki berlari ke Bukit Bendera sebelum mendaki setinggi 670 meter, turun semula dan menamatkan larian di Padang Kota Lama," jelas beliau.

Tambahnya, umum yang membuat pendaftaran awal iaitu sebelum 1 April ini berpeluang mendapat potongan yuran penyertaan.

"Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 1 Julai 2014.




**KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur *Ultra Marathon 2014* pada majlis pengumumannya di sini baru-baru ini.**

"Jumlah penyertaan bagi setiap kategori turut dihadkan iaitu 100 peserta bagi kategori 100km, 84km (250) dan 50km (200)," ujarnya.

Bagi mendapat keterangan lanjut, sila layari ***www.penangultra.com*** dan ***www.actifestyle.com .***

Sementara itu, pada sidang media sama, Guan Eng turut menggesa Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengangkutan yang diterajui Datuk Seri Hishamudin Tun Hussein untuk menjelaskan secara lanjut status dan dasar penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PPSB).

"Kita telah dengar banyak ura-ura sebelum ini, tetapi ini adalah pengesahan yang diberikan oleh akhbar, *The Edge Financial Daily* tetapi kenapa tidak boleh buat pengumuman?

"Sebagai pemilik PPSB, Kerajaan Persekutuan perlu buat pengumuman terlebih dahulu berhubung status dan dasar penswastaan PPSB," tegas beliau ketika mengulas mengenai kenyataan Pengerusi PPSB yang baru, Datuk Mohd. Sidik Shaik Osman sebagaimana dilaporkan *The Edge Financial Daily* mengenai pengakhiran ketidakpastian di PPSB.

Tambahnya, ketidakpastian mengenai masa depan PPSB bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada perniagaan logistik di Pulau Pinang, tetapi juga mampu menjejas potensi ekonomi negeri ini.

## Mangsa kebakaran harap bina semula rumah

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**KEADAAN tapak rumah Sharini Shafie yang hangus dijilat api.**

**TELUK KUMBAR -** Mangsa kebakaran, Shahini Shafie, 50, yang mengalami anggaran kerugian kira-kira RM100,000 apabila sebuah kereta Proton Saga FLX baru turut musnah dalam kejadian tersebut bertekad membina semula kediaman beliau di tapak sama di Kampung Sungai Batu di sini.

"Kalau boleh saya nak dirikan semula rumah di sini. Saya sangat mengharapkan bantuan.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin dan orang ramai yang datang membantu," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Nasib Shahini memperoleh perhatian Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyampaikan sumbangan termasuk daripada peruntukan beliau sendiri, peruntukan Timbalan Ketua Menteri I, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sumbangan pendahuluan dari Tabung Bantuan Bencana TYT (Tuan Yang Terutama).

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Shahini memberitahu, beliau hanya mengetahui rumahnya terbakar setelah dimaklumkan melalui telefon oleh jiran terdekat.

"Mujurlah tiada isteri dan anak-anak di rumah, tiada harta benda yang dapat diselamatkan kerana api marak terlalu cepat ekoran angin kuat.

"Jumlah keseluruhan kerugian adalah dianggarkan berjumlah RM100,000 termasuk sebuah proton saga baru FLX," ujarnya yang kini menetap di rumah abangnya di 291, Mukim 11, Sungai Batu di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri prihatin terhadap nasib yang menimpa keluarga Sharini.

"Kita tampil menghulurkan bantuan kilat atas dasar prihatin.

"Walaupun beliau kehilangan harta benda, namun, yang lebih bermakna dan bernilai adalah tiada kemalangan jiwa berlaku.

"Harap dapat mula balik dan kita akan cuba hulurkan mana-mana bantuan yang perlu. Beliau, isteri dan anak-anak perlu tabah hati," ujar beliau.

Sebarang bantuan boleh disumbangkan ke akaun Sharini Shafie, **0714 – 0187 – 9975 - 23 (CIMB).**

## Keluarga mangsa langgar bum kren terima sumbangan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri mengucapkan takziah dan menghulurkan bantuan kewangan kepada keluarga mangsa, Allahyarhamah Che Fatimah Ishak, 50, yang maut dalam kejadian kemalangan berdekatan Jalan Masjid Negeri di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Najib Khan Ismail Khan (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke kediaman keluarga mangsa baru-baru ini.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui pejabat beliau memberi bantuan sebanyak RM2,000 kepada anak tunggal Allahyarhamah, Mohd. Shahmeor Khan, 16.

"Saya harap keluarga mangsa dapat bersabar serta tabah untuk meneruskan kehidupan dan bagi pihak Kerajaan Negeri, kami mengucapkan takziah atas pemergian arwah," katanya ketika menziarahi keluarga mangsa di Air Itam di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian 25 Januari lalu sekitar 6.05 pagi, Allahyarhamah Che Fatimah, seorang jurumesin kilang, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

Allahyarhamah yang dalam perjalanan ke tempat kerja di Bayan Lepas, maut selepas motosikal *Honda Wave* yang ditungganginya dipercayai merempuh bum kren yang jatuh merentangi Jalan Masjid Negeri di hadapan Sekolah Penang Free dekat sini.

Kenyataan dikeluarkan Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyatakan bahawa ketika kejadian, mangsa tidak sempat mengelak kren digunakan kontraktor pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit untuk menjalankan kerja-kerja membaiki lampu jalan yang tiba-tiba terbalik dan merentangi jalan sebelum itu.

Turut bersama Mohd. Shahmeor adalah suami mangsa, Najib Khan Ismail Khan, 42.

# Pameran solo Ernest kitar bahan buangan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pameran sulung artis Lithuania, Ernest Zacharevic yang terkenal dengan lukisan mural di sepanjang jalan-jalan negeri ini kini buat julung kalinya mengadakan pameran sulung menggunakan bahan-bahan terbuang di depot lama Bas Hin, Jalan Presgrave di sini baru-baru ini.

Berkonsepkan 'Seni adalah Sampah / Sampah adalah Seni, pelbagai medium buangan diguna pakai semula seperti kabinet lama, papan kayu, enjin lama dan guni telah digubah menjadi satu nilai seni unik.

Ernest berkata, George Town banyak memberi inspirasi buatnya menghasilkan karya seni.

"George Town memberi inspirasi yang banyak.

"Dari segi rakyatnya, kecantikan, budaya dan warisan di Pulau Pinang adalah sebab utama kenapa saya memilih untuk mengadakan pameran solo pertama di sini (Pulau Pinang)," ujarnya di tapak pameran beliau di sini baru-baru ini.

Hadir sama menyaksikan hasil seni Ernest adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Pengurus Besar Lum Choon & Co. Sdn. Bhd., Tan Shih Thoe yang juga pemilik kepada bangunan depot lama Bas Hin dan Pengurus kepada Ernest Zacharevic, Gabija Grusaite.

Guan Eng berkata, seni akan menjadi lebih bermakna apabila boleh membuatkan orang lain gembira.

"Kita sebagai rakyat Pulau Pinang berbangga apabila Ernest memilih negeri ini sebagai tempat pameran solonya yang mana inisiatif tersebut akan memberi dorongan kepada pelukis seni lain untuk ke sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) sentiasa mengalu-alukan dan bersifat terbuka dalam menerima pelukis seni untuk mempamerkan idea, kreativiti dan bakat seni mereka," ujarnya.

Sejurus selesai pameran yang berlangsung selama sebulan bermula 17 Januari hingga 14 Februari ini, beberapa karya Ernest akan dipindahkan ke *Marina Straits Quay,* Tanjung Tokong untuk tontonan umum.



**ANTARA hasil seni Ernest Zacharevic berkonsepkan 'Seni adalah Sampah / Sampah adalah Seni.**



**KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama Ernest Zacharevic (kiri) dengan berlatar belakangkan hasil seninya di sini baru-baru ini.**

## Kelulusan segera RM10 juta bina semula Pasar Awam Bkt. Mertajam

**BUKIT MERTAJAM –** Pasar Awam Bukit Mertajam yang terlibat dalam insiden kebakaran baru-baru ini akan dibina semula di atas tapak sama dalam tempoh tiga tahun oleh Kerajaan Negeri dengan anggaran peruntukan segera sebanyak RM10 juta daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi maklum balas serta cadangan itu kepada media selepas melawat sendiri kawasan kejadian serta bertemu dengan penjaja-penjaja terbabit di sini.




**RUPA bentuk Pasar Awam Bukit Mertajam selepas kejadian kebakaran di sini baru-baru ini.**

"Kita akan membuat kelulusan segera kira-kira RM10 juta untuk cadangan projek ini.

"Dalam tempoh peralihan ini, kita (Kerajaan Negeri) secara dasarnya membolehkan mereka berniaga di tempat berhampiran seperti yang akan diuruskan oleh MPSP.

"MPSP akan menjalankan secara pentadbiran untuk menyusun perpindahan peniaga dan keputusan muktamad dibuat oleh MPSP juga," ujarnya baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) turut menyertai lawatan kerja tersebut.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri Machang Bubuk), Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP) dan Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah).

Menurut Guan Eng, cadangan Kerajaan Negeri membina sebuah pasar awam baru di tempat sama antara lain kerana bangunan yang berusia lebih 50 tahun itu turut dikenal pasti berbahaya untuk aktiviti penjajaan setempat.

Baru-baru ini, beberapa bahagian bangunan lama Pasar Awam Bukit Mertajam dilaporkan musnah akibat kebakaran.

Insiden itu mengakibatkan operasi peniagaan kira-kira 243 penjaja terjejas.

Tambah Guan Eng, kerja-kerja pemajuan Pasar Awam Bukit Mertajam akan dipercepatkan sesegera mungkin supaya keseluruhan peniaga di sini yang berjumlah kira-kira 420 orang boleh kembali berniaga seperti biasa di bangunan baru kelak.

## *Lonely Planet* senarai makanan negeri paling enak 2014

oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG LALANG –** Penerbit majalah panduan pelancongan terkenal dunia, *Lonely Planet* menyenaraikan Pulau Pinang sebagai destinasi masakan paling enak bagi tahun 2014, lapor harian British, *The Independent*.

Editor bertauliah *Lonely Planet,* Robin Barton dalam tulisannya dipetik berkata, *char koey teow,* mee Hokkien dan asam laksa merupakan antara makanan paling enak "yang mesti dicuba" di kawasan penjajaan sekitar negeri ini.

Laporan antarabangsa tersebut turut menyebut bahawa status terbaru Pulau Pinang itu sekaligus mendahului tempat masakan terkemuka lain seperti Victoria di Australia, Utara Barat Sepanyol, dekat Selatan Amerika Syarikat, *Lake District* di United Kingdom, Puglia di Itali, Georgia dan Oaxaca di Mexico.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu reaksi berharap pencapaian itu memberi motivasi kepada seluruh rakyat di negeri ini untuk terus bekerja keras walaupun terpaksa berdepan dengan kenaikan kos sara hidup.

"Walaupun harga barang naik, harga minyak RON95 naik, kos sara hidup pun naik, rakyat tidak boleh berputus asa dan harus lebih bekerja kuat.

"Hanya mereka yang berkerja bersungguh-sungguh dan kuat sahaja boleh mendapat untung yang lebih, seperti penjaja-penjaja makan bekerja keras mencari untung (sehingga) masakan mereka (iaitu) *char koey teow,* mee Hokkien dan laksa asam dapat pengiktirafan dunia," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang di Dewan Ng Yam Huat di sini baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan dif kehormat utama pada majlis keraian tersebut.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pegawai-pegawai Kerajaan serta pemimpin-pemimpin masyarakat daripada pelbagai peringkat turut hadir pada majlis jamuan berkenaan.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri atas bidang kuasanya telah melakukan langkah terbaik untuk mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup rakyat, antaranya menangguhkan sekali lagi syor Putrajaya untuk menaikkan kadar cukai tanah dan cukai pintu untuk tahun ini.

Kali pertama, pentadbiran Guan Eng melakukan langkah serupa adalah pada tahun 2008, iaitu sejurus mengambil alih Kerajaan Negeri.

# KN ringan beban mangsa kebakaran

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KUBANG SEMANG –** Nasib empat mangsa kebakaran di Perkampungan Kubang Semang di sini memperoleh perhatian Kerajaan Negeri yang tampil menghulurkan sumbangan kilat baru-baru ini.

Setiap keluarga yang dipercayai tinggal sehelai sepinggan menerima bantuan sumbangan bernilai RM1,000 melalui Tabung Bencana Kerajaan Negeri.

Sebagai tambahan, keluarga-keluarga berkenaan juga bakal menerima sumbangan bantuan daripada Tabung Bencana TYT (Tuan Yang Terutama) setelah taksiran kerugian dijalankan.

Malah, dalam tempoh sebulan kini, mangsa-mangsa turut ditempatkan di rumah sewa sementara menggunakan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian berkenaan ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Mohd. Salleh dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Jusni Ismail.

Salah seorang mangsa, Zasmy Abdullah, 49, ketika ditemui berkata, insiden tersebut menyebabkan beliau kerugian kira-kira RM71,000 kerana api marak dengan cepat.

"Saya bersyukur dengan bantuan yang diberikan. Sekurang-kurangnya wang tersebut boleh diguna untuk membeli barangan kelengkapan sekolah anak-anak,'' katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa sambil diperhatikan Mohd. Salleh Man (kanan sekali) pada lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.**

## Awas di empat kawasan sensitif denggi - Exco Kesihatan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

**SEBERANG JAYA –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap komuniti di empat kawasan yang masih sensitif denggi terus berada dalam situasi berjaga-gaga walaupun tiada lagi kes kematian terbaru direkodkan dalam minggu ke-lima tahun ini.

Menurut beliau, dua kes direkodkan di Jalan Sungai, Jalan Sekolah La Salle, Taman Sri Damai (3) dan Halaman Inderawasih (4) menjadikan kesemua lokasi tersebut sebagai kawasan sensitif denggi pada minggu ke-lima ini.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) dalam satu program mencegah pembiakan nyamuk aedes anjuran komuniti setempat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya baru-baru ini.**

"Walaupun tiada kematian akibat denggi direkodkan pada minggu ke-lima (26 Januari hingga 1 Februari lepas), saya berharap komuniti di kawasan-kawasan sensitif ini terus mengambil langkah berjaga-jaga," katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sebanyak 49 kes demam denggi direkodkan sepanjang minggu ke-lima tahun ini.

Itu, menjadikan jumlah kumulatif sepanjang tempoh tahun ini adalah sebanyak 257 kes demam denggi.

"Bagi tempoh sama tahun 2013, sebanyak 12 kes telah dicatatkan, manakala, jumlah kumulatif hanya sebanyak 83 kes (demam denggi)," ujar beliau sambil menasihat semua pihak supaya membersihkan kawasan masih-masing demi mencegah pembiakan nyamuk aedes.

Dari keseluruhan 17 kes kematian akibat denggi di Malaysia, Afif menjelaskan bahawa dua kes serupa direkodkan di negeri ini.

Dalam satu kenyataan lain sebelum ini, Afif turut memanggil Persatuan-Persatuan Kontraktor di Pulau Pinang untuk saling bekerjasama bagi meningkatkan langkah mencegah pembiakan nyamuk aedes di tapak-tapak pembinaan.

Dalam taklimat tersebut, beliau mendedahkan sebanyak 698 tapak pembinaan diperiksa sepanjang tahun lepas.

Hasil langkah proaktif itu, 124 kawasan pembinaan dikenal pasti positif biak denggi dan 33 premis diarah tutup.

Manakala 85 premis lagi di'*abate*', pengabutan (72 premis) (72 premis), pemberian notis (123 premis) dan pemberian kompaun (98 premis).

Tambah Afif, tapak pembinaan merupakan antara lokasi sensisif denggi di negeri ini, selain, tempat ibadat, tanah perkuburan serta kawasan lapang atau kawasan rekreasi.

## Tolak provokasi, suburkan keharmonian - Malik

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**ABDUL Malik Abul Kassim.**

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengecam dan menolak provokasi yang cuba dibangkit pihak tertentu ekoran dari insiden serangan bom buatan tangan terhadap gereja *Church of the Assumption* di Lebuh Farquhar baru-baru ini di sini.

Abdul Malik berkata, rakyat Pulau Pinang dan seluruh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan tidak dapat menerima tindakan mana-mana pihak yang cuba menggangu-gugat keharmonian.

"Pengantungan kain rentang berbentuk provokasi dan diikuti dengan kejadian serangan bom tangan adalah bukti elemen kebencian sedang cuba disemai pihak-pihak tertentu.

"Ini adalah usaha untuk mengkucar-kacirkan keadaan Pulau Pinang yang aman selama ini dengan rakyatnya yang berbilang kaum dan agama.

"Kita perlu menolak secara tegas suara-suara kebencian, kemarahan, berprasangka buruk, kemusnahan dan keburukan yang cuba mengugat persefahaman yang telah dibina," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man yang juga merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Sekurang-kurangnya 10 laporan polis telah dibuat berhubung kain rentang provokasi yang dilihat cuba mengapi-apikan isu agama dan perkauman baru-baru ini yang dikatakan menjadi punca kepada serangan bom buatan tangan terhadap gereja berkenaan.

Sehubungan itu, Abdul Malik memohon agar pihak polis menyegerakan siasatan dan mengambil tindakan kepada sesiapa yang bertanggungjawab.

"Harapan kita agar tiada pihak yang mengambil kesempatan mengeruhkan lagi keadaan dan supaya memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci," ujar beliau.

buletin Mutiara

# Pelajar terpilih terima zakat persekolahan, IPT luar negara

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUTTERWORTH –** Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengagihkan sejumlah RM226,050 kepada 420 pelajar terpilih untuk menerima bantuan zakat persekolahan dan institusi pengajian tinggi (IPT) ke luar negara dalam satu majlis ringkas di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 411 pelajar menerima bantuan zakat persekolahan, manakala baki (9) untuk pelajar IPT ke luar negara.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, bantuan tersebut adalah bertujuan mengurangkan bebanan perlu ditanggung ibu bapa bagi membolehkan anak masing-masing memulakan sesi persekolahan serta melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Hadir sama, Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Somat, Fadzil Kimi (Ahli Majlis bagi MAINPP) dan Rosidi Hussain (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Majlis bagi MAINPP).

Mohd, Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir memberitahu, walaupun kutipan zakat saban tahun semakin meningkat, namun, ia masih belum memadai bagi menampung semua perancangan jangka panjang yang dirangka.

"Jumlah pemohon zakat yang sentiasa bertambah setiap tahun turut menjadi cabaran buat ZPP bagi memenuhi setiap keperluan asnaf terutamanya dari golongan fakir dan kurang mampu.



**SALAH seorang penerima menunjukkan sumbangan diterima pada Majlis Penyampaian Zakat Persekolahan dan Serahan Zakat Korporat di sini baru-baru ini.**

**BAHAGIAN PERUMAHAN**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**SENARAI UNIT-UNIT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

| BIL. | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Sunrise Manner Sdn Bhd**<br>Lot 1146, Jalan Seladang, Alma<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5388388<br>No. Fax : 04 5513888 | Di Atas Lot 1138 dan 1146, Mukim 15, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. | HillPark Residensi | Teres 2 Tingkat | RM528,000.00 | RM501,600.00 | 9 | Lionel Lee Kian Aik |
2-3-3 DESA UNIVERSITI, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MARIYAYEE A/P LATCHAMANAN - 620508025450
BLOK 2-3-3 DESA UNIVERSITI , SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KUMARA GURU A/L SINNASAMY - 760927075561
50-4-5 CANGKAT BUKIT GAMBIR, MUTIARA INDAH, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11094
Peminjam : NORAISYAH BINTI ISHAK - 830509075316
NO.6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPS
Penjamin 1 : ROZALI BIN SAUD - 600523025469
B233 LORONG CENDANA 3 , TAMAN CENDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RADZI BIN ABU - RFT6998
196 LORONG 1/2 B, TAMAN KANGKONG 09600 LUNAS, KULIM, KEDAH

No Akaun : 11122
Peminjam : NORLIZAM BIN NORDIN - 730211075569
NO. 3 JALAN PEKAKA 2, TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR,PULAU PINANG
Penjamin 1 : HASFIZANI BINTI HAJI ARIFFIN - 751011025252
NO. 90 TAMAN CEMPAKA, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHAMAD FIRDAUS BIN SAAD - 810121075047
1-3-6 JALAN PEKAKA 2 , TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR,PULAU PINANG

No Akaun : 11145
Peminjam : SHAH REZZAT BIN AHMAD - 850105145777
NO 4 JALAN MAJU, TAMAN ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS
Penjamin 1 : AHMAD BIN ABD HADI - 540107025791
4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SHAH FAIZAL BIN AHMAD - 831211145961
4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10784
Peminjam : ZURAIDA BINTI MOHD. ROMLI - 800915075568
A4 KUARTERS DARUL QURAN, JAKIM, JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH 44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD HASNIZAM B MOHAMAD SHAHRANI - 790623086517
2383 FELDA GUNUNG BESOUT DUA 35600 SUNGKAI, PERAK
Penjamin 2 : MOHD HAIRI BIN SHAHARI - 801017085267
2328 FELDA GUNUNG BESOUT DUA 35600 SUNGKAI, PERAK

No Akaun : 11310
Peminjam : GUNASILAN A/L RAJA MANICKAM - 851216265039
NO. 127 TINGKAT SERINDIT 5, TAMAN DESA JAWI, SUNGAI JAWI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : SIVA SANGKARI A/P RAJA MANICKAM - 820714025896
NO. 17 LORONG 13/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ELAVEYNI A/P SOMASUNDRAM - 610821755012
BLOK D, TINGKAT 2, NO.10 , RUMAH PANGSA TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS

# Mesin pencetak 3D pacu bidang reka cipta negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU** - Hasil kerjasama *Penang Skill Development Centre* (PSDC) dan anak syarikat syarikat pengkhususan kejuruteraan, penciptaan dan latihan IME Solutions Sdn. Bhd., Kumpulan IME, sebuah mesin pencetak teknologi 3D pertama berjaya dihasilkan bagi memudahkan kerja reka cipta di negeri ini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyaksikan pengoperasian mesin pencetak berkenaan menyifatkan ianya sangat produktif dan efisien bagi proses reka bentuk sesuatu produk ataupun prototaip.

Jelas beliau, mesin pencetakan 3D tersebut dibangunkan bagi mempercepatkan proses reka cipta sesebuah produk bagi penghasilan prototaip dalam tempoh masa 40 jam berbanding kelaziman biasa selama seminggu hingga dua minggu.

"Selain itu, saya juga dapati mesin cetak ini memberikan satu implikasi komprehensif dalam bidang konsep model, kejuruteraan mekanikal, analisa ergonomik, penciptaan dan simulasi, prototaip, kualiti dan penciptaan melalui digital.

"Malah, saya juga berharap dengan adanya teknologi baru ini dapat memperkembangkan bidang perindustrian sedia ada di Pulau Pinang termasuk Industri Kecil Sederhana (SME) serta dimanfaatkan teknologi sama oleh syarikat multinasional, tempatan, kolej-kolej dan sekolah-sekolah di sini," katanya pada sesi lawatan ke makmal PSDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengarah Urusan *IME Group*, Teoh Tuan Ka.



KETUA Menteri dan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) mendengar penjelasan peralatan teknologi baru daripada salah seorang wakil pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Tuan Ka menyatakan bahawa mesin terbabit diharap dapat membantu memajukan sektor industri reka cipta dalam kalangan penggiat industri di Pulau Pinang di samping membantu golongan muda mengekpresikan idea masing-masing dengan lebih inovatif serta kreatif termasuk golongan kanak-kanak.

# Kunjungan perkukuh inisiatif halal negeri

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Industri halal negeri melakar perkembangan positif apabila *Penang International Halal Hub* (Halal Penang) melangkah setapak lagi dalam memperkukuhkan inisiatif perangkaian perkhidmatan dan pengeluaran produk halal tempatan ke mata dunia.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim ketika ditemui berkata, inisiatif perangkaian perkhidmatan dan pengeluaran produk halal tempatan tersebut bertujuan menjadikan industri halal tempatan lebih kompetatif serta berkembang pesat selaras dengan sasaran Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab halal bertaraf antarabangsa.

Menurut beliau, inisiatif berkenaan wujud rentetan sesi padanan perniagaan dan lawatan ke negara-negara yang berminat untuk berkongsi dalam mewujudkan hubungan perniagaan halal.

Terbaru, lawatan delegasi Morocco (Maghribi) diketuai Menteri Perhubungan Parlimen dan Kemasyarakatan, Lahbib Choubani dan Menteri Industri, Perdagangan dan Teknologi Baharu, H.E. Abdelkader Aamara ke penganjuran *5th Penang International Halal Expo and Convention* (PIHEC) di sini baru-baru ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang peneraju hab halal dunia.

"Kita (Kerajaan Negeri) menjemput delegasi daripada Morocco setelah mereka melihat kesungguhan kita dalam pembangunan industri halal termasuk hal-hal perundangan berkaitan halal di Pulau Pinang khasnya.

"Kehadiran mereka juga dapat mewujud dan memperkukuhkan hubungan perniagaan sedia terjalin serta membolehkan pihak terbabit meninjau peluang-peluang perniagaan yang wujud antara kedua-dua negara," katanya yang juga merupakan Pengerusi Halal Penang.

Selain kunjungan delegasi Morocco, Pulau Pinang turut menerima kunjungan delegasi daripada Punjab dan Sind, Pakistan yang diketuai Pengerusi *Punjab Halal Development Agency* (PHDA), Khalilur Rehman Khan.



KHALIRUR Rehman Khan (kiri sekali) bersama delegasi dari PHDA ketika lawatan ke Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, lawatan rasmi terbabit adalah kunjungan balas hasil daripada kunjungan beliau ke Punjab dan Sind empat tahun lalu.

"Ketua Menteri Punjab, Muhammad Shahbaz Sharif sangat agresif dalam usaha memartabatkan industri halal di sana (Punjab) termasuk meletakkan tahap khusus serta sistem perundangan khas berkaitan pengeluaran dan pengeksportan produk-produk halal dari Pakistan.

"Melalui PHDA, mereka kini telah bersedia untuk 'menawan' pasaran halal dunia bernilai USD$3,000,000,000,000 (tiga trilion) dan kita turut berkongsi pengalaman dalam menjadikan industri halal sebagai industri unggul dunia," jelasnya.

Kedua-dua delegasi turut berkesempatan mengadakan pertemuan tertutup bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut berkata bahawa Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang membangunkan piawaian produk makanan halal mengikut Standard Halal Malaysia MS 1500:2004 yang menjadikan Malaysia mempunyai kelebihan dan kepakaran dalam industri halal.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga proaktif dengan membangunan taman perindustrian halal di Bukit Minyak yang bukan sahaja mengeluarkan produk halal malah menawarkan perkhidmatan dan insentif penyediaan produk halal.

"Salah satu inisiatif Kerajaan Negeri adalah dengan menganjurkan PIHEC yang turut mengadakan sesi padanan perniagaan sama ada melalui padanan perniagaan tempatan ataupun padanan perniagaan antarabangsa," jelasnya yang turut teruja apabila maklum balas yang diterima baru-baru ini berkaitan penganjuran PIHEC amat menggalakkan.

Beliau turut mengharapkan penyertaan minat dalam sesi padanan perniagaan bersama Halal Penang dapat dikembangkan bukan sahaja dalam kalangan negara-negara Islam, malah serata dunia.

# CIMB, komuniti jayakan projek sisa sifar Pmtg. Nibong

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Syarikat perbankan, CIMB dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta penduduk Kampung Permatang Nibong baru-baru ini menganjurkan program pengkomposan sisa selama lapan hari di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud berkata, program sisa sifar seumpama itu adalah pertama kali diadakan membabitkan ketiga-tiga pihak, iaitu penduduk, pihak swasta dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sendiri.

"Gambarannya, penglibatan 4P, iaitu *peoples, public* dan *private partnership* yang membawa bersama-sama penduduk tempatan, MPSP dan CIMB menyertai serta saling berkongsi (inisiatif) dalam memastikan kejayaan program ini," ujarnya pada Program Komuniti CIMB di Pusat Sumber Permatang Nibong di sini.

Wakil komuniti Permatang Nibong, Anas Abdul Malik turut berucap pada majlis tersebut.

Difahamkan program tersebut berlangsung selama lapan minggu, bermula pada 30 September 2013 dan berakhir pada 29 Disember tahun lepas.

Rozali memberitahu, kira-kira 1,120 kilogram sisa makanan berjaya dikumpul dan dikomposkan sepanjang program tersebut berlangsung.

"Secara purata, setiap isi rumah di Permatang Nibong menghasilkan 2.5 kilogram sisa makanan setiap minggu berbanding dengan 4.5 kilogram sisa makanan yang dihasilkan bagi setiap isi rumah dari kawasan perumahan yang lain.

"Ini bermakna, penduduk Permatang Nibong kurang menjana sisa organik sebagai sebahagian daripada sisa makanan berakhir untuk (dijadikan) makanan ternakan mereka," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada seorang penduduk setempat secara sukarela menawarkan sebidang tanah lain berkeluasan 20,000 kaki persegi tidak jauh dari sini untuk dijadikan pusat eko-pertanian setempat.

Terdahulu, MPSP dengan kerjasama komuniti Permatang Nibong pada 30 Disember tahun lepas menganjurkan Bengkel Kitar Semula Kreatif.

Pada 19 Januari lepas pula, katanya, kerjasama kedua-dua pihak berkenaan berjaya mengitar semula sisa pepejal seberat 4,529 kilogram, sebelum dijual.

Rozali berkata, hasil keuntungan hasil program kitar semula itu disalurkan untuk program pembangunan dan penyelenggaraan masjid seperti pembayaran bil elektrik dan air, serta menjalankan kelas bacaan Al -Quran dan Fardhu Ain.



**TIMBALAN Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi Negeri, Hafizah Hassan (kanan sekali) meninjau produk kitar semula yang dipamerkan pada Program Komuniti CIMB di sini baru-baru ini.**




## MPSP harap capai tahap kebersihan Yokohama - YDP

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) meneruskan program Anugerah Sekolah Hijau setelah enam tahun dianjurkan dengan mensasarkan penyertaan lebih daripada 100 buah sekolah di Seberang Perai.



**PARA pelajar SMSTSSS yang muncul Johan kategori sekolah menengah pertandingan Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun lalu.**

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dalam Majlis Perasmian Anugerah Sekolah Hijau 2014 di Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin (SMSTSSS) berkata, program tersebut mula dijalankan dengan tujuan untuk memberikan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar kepada generasi muda.

"Sekolah merupakan tempat paling sesuai bagi membentuk generasi masa hadapan yang mementingkan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar.

"Generasi akan datang perlu dibentuk keperibadian dan persepsi mereka terhadap alam sekitar kerana ianya lebih mudah berbanding golongan dewasa," ujarnya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut sama hadir, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Tan Cheong Heng (Ahli Majlis bagi MPSP) dan Jamaluddin Yaakop (Pengetua SMSTSSS).

Tambah Maimunah, program seumpama itu telah dijalankan lebih kurang 30 hingga 40 tahun dahulu oleh bandar Yokohama, Jepun.

"Semasa pertemuan dengan Datuk Bandar Yokohama baru-baru ini, beliau telah memuji inisiatif sekolah hijau ini dan memberitahu bahawa MPSP berada di landasan yang betul dalam mendidik generasi akan datang.

"MPSP cuba mengimplimentasikan apa yang telah lama dijalankan di sana dan berharap dalam jangka masa 10 hingga 20 tahun akan datang, Seberang Perai dapat mencapai tahap kebersihan seperti di Yokohama," ujar beliau.

Tahun lepas, SMSTSSS dan Sekolah Kebangsaan To' Kandu masing-masing muncul Johan bagi kategori sekolah menengah dan sekolah rendah untuk peringkat negeri Pulau Pinang.

Malah, bagi penganjuran kali ini sebagaimana lima tahun sebelum ini, syarikat Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. (Continental) akan terus menaja hadiah wang tunai dan piala bejumlah RM25,000 kepada pemenang utama.

# Briged Wanita pimpin supaya berdikari

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI DUA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Arifin menggesa kaum wanita sekitar sini untuk sama-sama aktif dalam Briged Wanita bagi merebut peluang dan manfaat yang disediakan Kerajaan Negeri.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Briged Wanita Pulau Pinang berkata, masih ramai lagi wanita yang tidak peka dengan inisiatif Kerajaan Negeri yang menyediakan pelbagai program bagi membantu kebajikan golongan Hawa di bawah pertubuhan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

"Inisiatif yang diambil ini menunjukkan Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dan peka dengan masalah serta kehendak wanita di negeri ini.

"Justeru, diharap golongan wanita tidak akan melepaskan peluang untuk bersama membina Pulau Pinang yang bahagia dan makmur dengan peluang yang diberikan," ujarnya pada Majlis Perasmian Briged Wanita Lahar Yooi di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, dengan tertubuhnya Briged Wanita di kawasan tersebut, diharap golongan Hawa dapat memanfaatkannya sehingga tertubuhnya sebuah taska dalam masa yang terdekat ini.

"Penubuhan Briged Wanita ini secara keseluruhannya adalah untuk memimpin para wanita supaya berdikari menerusi program-program bantuan ditawarkan Kerajaan Negeri contohnya, pinjaman mikrokredit menerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di bawah Program Titian Saksama Rakyat (PTSR).

"Secara tidak langsung, ia sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan ekonomi kaum wanita dan keluarga di samping melahirkan usahawan-usahawan daripada kalangan wanita itu sendiri,", ujar beliau.

Serentak itu, Norlela turut meminta rakyat setempat supaya menghebahkan penubuhan briged tersebut dan mengajak lebih ramai golongan wanita untuk sama-sama mendaftarkan diri bagi membantu Kerajaan Negeri mendekati kaum Hawa terutamanya di kawasan luar bandar.

"Penglibatan kaum wanita ini akan turut menjadi mata dan telinga Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti golongan yang perlu mendapatkan perkhidmatan rawatan mamogram percuma dan juga Program Ibu Emas khas kepada suri rumah," ujar Norlela.



NORLELA Arifin (kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta wanita pada Majlis Perasmian Briged Wanita Lahar Yooi di sini baru-baru ini.

## Rancang program sukan cungkil bakat baru




CHONG Eng melekatkan salah satu penganjuran program sukan sebagai gimik Majlis Perasmian Kalendar Sukan Massa Negeri 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU UBAN –** Bertemakan *'Health in Action'*, Kalendar Sukan Massa Negeri 2014 membariskan 24 jenis sukan interaktif yang bakal berlangsung sepanjang tahun ini di sini.

Exco Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, demi menjadikan Pulau Pinang dan masyarakatnya mengamalkan gaya hidup sihat, buat pertama kalinya Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) melancarkan kalendar seumpamanya.

"Dengan tema *'Health in Action'*, dua elemen penting dalam setiap program sukan massa akan digabungkan iaitu merangkumi aspek kesihatan emosi, psikologi dan juga semestinya kesihatan fizikal.

"Oleh itu, sebaiknya aktiviti sukan yang dijalankan, terutamanya sukan massa bercorak partisipatif yang mampu membawa mesej sosial positif kepada orang ramai.

"Malah, paling penting adalah seboleh-bolehnya mampu menyumbangkan dan prihatin kepada mereka yang kurang bernasib baik," ujarnya ketika Majlis Perasmian Kalendar Sukan Massa Negeri 2014 di Dewan Silat, Batu Uban di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan.

Pelbagai acara sukan menarik seperti berbasikal, perahu layar, skuasy, mendaki bukit, bina badan, sukan kombat, catur dan juga karnival sukan pantai telah diatur bagi menggalakkan orang ramai terlibat dengan aktiviti-aktiviti sukan.

Tambah Chong Eng, diharapkan melalui program-program yang dirancang dapat mencungkil bakat-bakat baru demi pembangunan sukan negeri.

## Pendaftaran PBIM 2014 dibuka!

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**




LAW Heng Kiang menunjukkan poster penganjuran PBIM 2014 pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Pendaftaran bagi menyertai *Penang Bridge International Marathon* (PBIM) 2014 kini dibuka!.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu *Full Marathon, Half Marathon,* 10 kilometer (km) Terbuka, 10km *Junior* dan *Fun Run*.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang dalam sidang media baru-baru ini mengalu-alukan penyertaan umum dalam acara *'Longest Bridge Marathon in the World'* yang bakal diadakan pada 16 November ini.

"Tahun ini, buat julung kalinya, acara tahunan PBIM ini akan diadakan di Jambatan Kedua Pulau Pinang.

"Malah, tahun ini juga kita turut menawarkan 100 hadiah cabutan bertuah istimewa eksklusif untuk mereka yang mendaftar awal dan membuat pembayaran penuh sebelum 31 Mac 2014," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Antara hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan adalah tiket penerbangan pergi dan balik ke beberapa buah destinasi antaranya Guangzhou, Taipei, Hong Kong, Bali, Phuket, Bangkok dan Kota Kinabalu serta penginapan berserta makan malam di Hotel Equatorial Pulau Pinang, Hotel Eastin Pulau Pinang, Hotel Cititel Pulau Pinang dan Hotel Royal Pulau Pinang.

Selain itu, syarikat-syarikat aksesori terkemuka seperti *Asics, Titan Watch* dan *Lorenzo* turut menaja hadiah bagi cabutan bertuah kali ini.

Heng Kiang memberitahu, cabutan akan dibuat pada 3 April ini dan pemenang bertuah boleh menuntut hadiah masing-masing sebelum 30 April 2014 di Pejabat Pembangunan Pelancongan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 53, Komtar.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PBIM, ***http://www.penangmarathon.gov.my*** atau talian hotline ***016 - 411 0000.***

# ‘Tutup kedai jika barang tak elok’ – Abang Mad


MASAKAN lobak masin.


MASAKAN telur manis resipi dari Kelantan.


KARI ikan pari.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**BERMULA** dengan gerai makan biasa bersajikan nasi lemak serta kuih muih, kini, Kedai Makanan dan Minuman Pak Hassan yang terletak di bahu Jalan Taman Makok, Padang Lalang begitu terkenal bukan hanya dalam kalangan masyarakat tempatan, malah juga luar negeri.

Uniknya, kedai makan yang kini menyajikan masakan lauk pauk berserta nasi dibuka seawal 8 pagi hingga 2 petang tiap-tiap hari kecuali cuti umum.

Kira-kira 30 lauk pauk kecuali masakan daging disajikan pada setiap hari kepada para pelanggan yang terdiri daripada 50 peratus berketurunan Melayu dan bakinya, Cina.

Selepas Pak Hassan atau nama sebenar, Hassan Derani meninggal dunia pada tahun 1993, perniagaan tersebut kemudian dikendalikan menantu Allahyarham, Ahmad Hashim dan anaknya, Salmah Hassan.

Ahmad atau lebih dikenali dengan panggilan Abang Mad, 61, menyatakan bahawa perniagaan arwah bapa mertuanya beroperasi sejak 1960-an dahulu.

“Selepas tiga bulan berkahwin dengan anaknya (Salmah, kini berusia 57 tahun), arwah minta Abang Mad buat nasi.


**AHMAD Hashim atau lebih dikenali sebagai Abang Mad.**

“Mungkin masa tu, bapa mertua tengok Abang Mad takde kerja,” selorohnya yang berasal dari Jalan Permatang Rawa, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT).

Pada peringkat permulaan, Abang Mad yang sebelum ini banyak mempelajari teknik memasak melalui majlis-majlis kenduri di kampungnya menyatakan bahawa hanya lima hingga enam jenis lauk sahaja dihidangkan ketika itu.

Antaranya, lobak masin *(chai por)*, telur goreng dan ikan goreng.

“Saya belajar masak dari orang Cina sebab masa tu, ramai kontraktor Cina yang buat *piling* di sini.

“Contohnya, masakan kicap masak hitam memenuhi citarasa orang Melayu, tapi, untuk orang Cina makan, kena pakai daun bawang,” jelasnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Prinsip Abang Mad untuk menarik pelanggan adalah mudah iaitu bekalan barangan masakan perlu berkualiti, bersih, amanah dalam perniagaan dan menggunakan resipi asli tanpa perencah tiruan - ajinomoto.

Menurut beliau, sekiranya ikan yang dibekalkan adalah tidak elok, Abang Mad akan menutup operasi premisnya walaupun dalam tempoh seminggu.

“Kalau ambik ikan yang tak elok, orang (pelanggan) akan tahu kerana yang datang makan juga adalah penjual-penjual ikan di pasar.

“Barang tak elok sekiranya dihidangkan akan menjejaskan nama baik kedai,” ujarnya sambil menyatakan bahawa jumlah pelanggan harian secara puratanya mampu mencecah 800 orang.

Menyentuh mengenai hidangan istimewa beliau, Abang Mad menyatakan bahawa keistimewaan di sini adalah kari ikan pari.

“Kualiti ikan pari yang dibekalkan dan cara bersih ikan adalah penting bagi elak bau,” jawab beliau ringkas.

Mengulas lanjut, Abang Mad menyatakan bahawa beliau mereka sendiri masakannya berdasarkan maklum balas yang diberikan para pelanggan.

“Saya tidak belajar dari mana-mana, masa budak (20-an), saya pergi ke dapur tengok orang masak untuk kenduri membabitkan jumlah jemputan 5 hingga 6,000 orang.

“Saya memang minat. Walaupun rakan-rakan sering mengajak bermain bola, minat saya adalah lebih kepada bidang masakan,” nyata beliau yang juga banyak membuat kajian masakan dihasilkan.

Istimewanya, masakan Abang Mad adalah tidak ditambah dengan ajinomoto. Malah, rempah yang digunakan adalah campuran beliau sendiri dari bahan-bahan asal.

“Kalau tiada inisiatif buat rempah sendiri, rasa masakan kita akan sama dengan kedai-kedai lain.

“Kita juga tidak boleh tipu. Jangan tipu bahan-bahan yang diletakkan dalam masakan. Letak apa, kena ngaku,” tegas beliau.

Menyentuh mengenai cabaran dalam bidang diceburi, Abang Mad menyatakan bahawa adalah ketika tiada bekalan ikan yang mana beliau terpaksa tutup operasi kedai pada hari berkenaan.

Walaupun dikurniakan lima cahaya mata, tiada seorang pun anak Abang Mad yang ingin mewarisi kepakaran beliau.

Bagaimanapun, beliau yang peramah dan kini memiliki dua orang cucu akur dan menghormati pilihan anak masing-masing.


KEADAAN Kedai Makanan dan Minuman Pak Hassan yang menjadi kunjungan ramai.

# Azam juara di litar lumba, insuran – Abd. Hafiz



ABD. Hafiz Abd. Majid (depan, tengah) bersama-sama kakitangan *DFZ Agency* lain dalam satu pertemuan di sini baru-baru ini.

**HENDAK** seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Itulah peribahasa yang tuntas untuk menceritakan kegigihan anak muda ini mengubah masa depannya.

Abd. Hafiz Abd. Majid, 28, bukan nama asing terutama dalam dunia lumba motosikal *cub prix*.

Tahu tidak tahu, anak kelahiran Kampung Alor Merah dekat Butterworth ini pernah mengisi podium tempat pertama dalam Kejohanan Terbuka Lumba Motosikal *Cub Prix Kategori* Individu pada tahun 2010.

Beliau turut menjuarai kejuaraan serupa di Batu Kawan pada tahun yang sama, sekaligus mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat nasional.

Dalam satu wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB, Abd. Hafiz** berkata beliau mempunyai alasan tersendiri untuk tidak terus memburu kejuaraan dalam sukan profesional itu.

"Ini hobi. Saya menghabiskan lebih RM30,000 untuk hobi ini sebelum dipinang untuk membawa nama Modenas dari tahun 2008 hingga tahun 2010.

"Di bawah Pengurus Khairullisa Ramli, saya berlatih (untuk) perlumbaan profesional sejak tahun 2006 dan pernah mewakili Honda pada tahun 2007, dengan dapat tempat ketiga.

"Sukan motor memerlukan stamina dan senaman serta disiplin yang tinggi, tetapi, saya dihambat oleh masa yang begitu sibuk sebab kerjaya saya sebagai agen insuran.

"Sekarang saya tidak lagi 'main' di litar, tapi, hobi ini tak pernah padam," ujar Abd. Hafiz baru-baru ini.

**'Juara Insuran'**

Abd. Hafiz berkata, menjadi ejen insuran pun perlu pecut seperti tunggang motosikal di litar jika mahu memburu kejuaraan serupa.

"Dua tahun saya jadi budak pejabat dan timba pengalaman berbekalkan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

"Pada tahun 2007, saya memberanikan diri membuka syarikat insuran (milikan) 100 peratus Bumiputera, dengan isteri saya sendiri menjadi kerani (untuk) membantu saya semasa itu," jelas Abd. Hafiz.

Selama enam bulan pertama, *DFZ Agency* yang ditubuhkan oleh Abd. Hafiz itu mula berkembang dengan 11 orang kakitangan.

Kini, syarikat itu mempunyai tiga cawangan sekitar Butterworth, iaitu di Sungai Puyu, Sungai Dua dan Tasek Gelugor.

"*DFZ Agency* menawarkan harga paling rendah berbanding syarikat insuran lain, tetapi, dengan (polisi) kadar perlindungan yang sama.

"Lima jenis insuran untuk dipilih, iaitu *AXA, America International Group* (AIG), Kurnia dan *Allianz* serta *Tune* sebagai syarikat yang baru diambil alih oleh Pengurus Besar Air Asia, Tony Fernandes.

"Tawaran perkhidmatan A hingga Z, iaitu dari penyediaan polisi perkhidmatan hingga urus tuntutan atau selesaikan saman tertunggak dengan JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) umpamanya dalam masa paling cepat seperti yang dijanjikan dengan pelanggan," jelas beliau.

**Pengiktirafan**

Percaya tidak percaya, syarikat milik Abd. Hafiz berjaya berbuat produktiviti insuran sebanyak RM7.4 juta pada tahun 2009.

Kejayaan itu melayakkan Abd. Hafiz diiktiraf sebagai syarikat insuran terbaik peringkat Utara Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2011, Abd. Hafiz diiktiraf sebagai agen insuran terbaik Pulau Pinang oleh AXA.

Tahun berikutnya, Abd. Hafiz diiktiraf sebagai pemberi produktiviti tambahan 100 peratus berbanding tahun sebelumnya untuk syarikat insuran Kurnia dan AXA walaupun suasana ekonomi kurang menggalakkan semasa itu.

**Cabaran**

Abd. Hafiz ketawa apabila diminta berkongsi cabaran dengan pembaca Buletin Mutiara.

Beliau berkata, di litar lumba dan 'litar insuran', cabaran tetap wujud walaupun berbeza.

"Risiko paling besar, ada pelanggan buat cukai jalan *(roadtax)* dengan deposit RM50, tapi sampai kesudah tidak datang ambil cukai jalan dengan membuat baki pembayaran RM450 umpamanya.

"Dengan RM50, pelanggan ini boleh berdalih cukai jalannya hilang dan cetak semula di JPJ.

"Tipu ini selalunya kenalan rapat, pelanggan yang kenal kita selalunya tidak berani tipu.

"Perniagaan insuran ini, keuntungan tidak besar dan kita terpaksa menanggung kos operasi syarikat yang agak besar untuk kekal perkhidmatan terbaik untuk pelanggan.

"Kita akan tetap beri perkhidmatan terbaik walaupun ada sedikit perubahan pada sistem JPJ umpamanya kerana pelanggan tidak mahu tahu semua kesulitan ini. Yang penting, urusan siap cepat urusan mereka," jelas beliau.

**Rahsia kejayaan**

Percepatkan serta permudahkan urusan pelanggan adalah antara identiti khidmat pelanggan yang cuba ditonjolkan oleh Abd. Hafiz.

"Amalan kerja di sini pun macam komando, selagi kerja hari yang sama tidak selesai, mereka tidak akan balik walaupun terpaksa lewat sampai ke malam.

"Contoh piagam pelanggan kita untuk buat cukai jalan umpamanya, yang datang pagi boleh dapat petang hari sama juga. Yang datang petang, boleh dapat cukai jalan lewat petang sama juga."

"Saya buat kunci pencapaian utama (KPI) hingga saya dan pekerja lain biasa habis serba urusan hari yang sama sebelum jam 6 petang.

"Pengalaman kerja dari bawah sebagai budak pejabat membolehkan kita buat piagam pelanggan ini," nyatanya.

**Harapan**

Abd. Hafiz secara peribadi berharap beliau boleh membawa ahli korporat terkemuka dunia, Tony Fernandes ke Pulau Pinang untuk saling melengkapi idea massa depan negeri ini.

"Kedudukan saya dengan insuran *Tune* ini, saya berharap dapat bawa Tony Fernandes ke Pulau Pinang untuk membincangkan prospek sektor perkhidmatan di negeri ini.

"Saya berharap suatu kerjasama peniagaan boleh direalisasikan ke arah membawa pengalaman Tony Fernandes ke negeri ini nanti," jelas beliau.




GAMBAR kenang-kenangan Abd. Hafiz Abd. Majid (tengah) berdiri di podium nombor satu selepas menjuarai Kejohanan Cub Prix Terbuka Kategori Perseorangan di Batu Kawan pada tahun 2010.

# Parkir MPSP kekal terendah, sekadar 40 sen sejam



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah, tunduk) membuat cabutan bertuah pembayar cukai selepas selesainya Mesyuarat Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA–** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan terus mengekalkan kadar parkir paling rendah di negara ini, iaitu 40 sen untuk tiap-tiap jam.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian semasa membentangkan pewartaan senarai petak letak kereta yang baru.

"Kadar parkir MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) pun 80 sen sejam, 60 sen sejam di Ipoh dan Taiping, Perak.

"Tapi, MPSP terus kekalkan caj sedia ada sebanyak 40 sen (sejam)," ujarnya baru-baru ini pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamod dan beberapa Ahli Majlis lain antaranya Tan Cheong Heng, Ahmad Tarmizi Abdullah dan Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media sama.

Maimunah bagaimanapun berkata, MPSP masih berjaya memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan kupon harian dan kupon jam, pelekat bulanan serta sewaan petak khas sepanjang tahun lepas.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri menambahkan agen jual kupon di kawasan-kawasan yang diwartakan, selain, langkah penguatkuasaan yang telah sedia dilakukan tiap-tiap hari sejak awal tahun ini.

"MPSP sedang membuat promosi pelekat parkir bulanan, dari RM75 ke RM50," jelas Maimunah sebagai menghargai partisipasi pelanggan Seberang Perai.

Jadual kutipan yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri dari 8 pagi hingga 9 malam, kecuali pada hari Ahad dan cuti umum.

Sebelum itu, Maimunah dalam mesyuarat penuh mengumumkan bahawa MPSP berjaya memungut RM20.28 juta sepanjang tempoh promosi pembayaran cukai pintu 2014, yang bermula dari 15 November hingga 31 Disember tahun lepas.

Jelas beliau, sebanyak 25,775 pemilik premis layak menyertai cabutan bertuah untuk merebut 77 hadiah istimewa yang disediakan MPSP.

Mereka yang layak boleh menyemak senarai pemenang cabutan bertuah tersebut di laman MPSP, ***www.mpsp.gov.my*** mulai 28 Januari lalu.

## Roboh surau tak tepat, nasihat YDP MPSP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Walaupun Jawatankuasa Surau Taman Penaga Permai sendiri bersetuju untuk memindah *'shed'* surau berkenaan yang dikenalpasti memasuki kawasan tanah tadika, bangunan tadika tersebut juga akan dibelakangkan dari kedudukan asal dalam Pelan Kebenaran Merancang.

Respons Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif itu sekaligus menolak laporan tidak tepat yang disiarkan dalam beberapa akhbar perdana Berbahasa Malaysia pada 17 Januari lepas.

"Kita (MPSP) mengambil 'situasi menang-menang', pada saya, MPSP tidak roboh surau itu sebagaimana dilaporkan.

"Elok dapat maklum balas kedua-kedua pihak sebelum siar satu-satu berita," nasihat Maimunah pada satu sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamod dan beberapa Ahli Majlis antaranya Tan Cheong Heng, Ahmad Tarmizi Abdullah dan Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media sejurus selesai mesyuarat penuh pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Sebelum itu, Maimunah berkata, Pelan Kebenaran Merancang Taman Penaga Permai yang diluluskan MPSP antara lain mensyaratkan pemaju supaya menyediakan tapak serta membina surau dan tadika di atas sebidang tanah yang saling bersebelahan.

Difahamkan, MPSP telahpun meluluskan pelan bangunan surau dan pelan bangunan tadika secara serentak.

Pun begitu, pemaju hanya siap memajukan bangunan surau tersebut, yang telahpun digunakan oleh komuniti umat Islam setempat.

Pemaju tidak dapat menyerahkan bangunan tadika itu kepada MPSP, ekoran projek pembangunan fasa akhir tersebut tidak dapat diteruskan.

Ini kerana, *'shed'* atau bumbung julur surau yang dibina jawatankuasa surau berkenaan berada di dalam tapak yang sepatutnya dibina bangunan tadika.

Justeru, Maimunah pada 9 Januari lepas memanggil pengerusi jawatankuasa surau, Khairul Anuar Abdul Rahman, wakil pemaju, wakil Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) serta Jabatan Teknikal MPSP untuk berbincang isu berbangkit tersebut.

Hasil perbincangan itu, antaranya, semua pihak bersetuju untuk mengubah *'shed'* tersebut, bukan merobohkan Surau Taman Penaga Permai seperti dilaporkan dalam akhbar-akhbar berkenaan.

## SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

**SPU**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | **10** | **0** | **10** |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | **20** | **0** | **20** |

**SPT**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

**SPS**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Ahli Majlis teruskan tradisi sumbang beras

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Sejumlah 381 kampit beras seberat lima kilogram diedarkan kepada 381 Pekerja Awam Pasukan 3D *(Dirty, Dangerous, Difficult)* hasil sumbangan 24 Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis, Ong Ah Teong ketika ditemui berkata, sumbangan tersebut diadakan secara tahunan bagi membantu meringankan bebanan ditanggung Pekerja Awam Pasukan 3D rentetan kenaikan kos sara hidup yang meruncing.

"Saya harap sumbangan ini sedikit sebanyak membantu meringankan bebanan kewangan pekerja-pekerja awam ini terutama bagi mereka yang telah berkeluarga dan mempunyai anak, memandangkan sesi persekolahan 2014 baru sahaja bermula," katanya pada majlis sumbangan tersebut di sini baru-baru ini.

Sumbangan beras kepada Pekerja Awam Pasukan 3D telah dilaksanakan secara tahunan sejak tahun 2012.

**BELIAU** terharu dengan keprihatinan Kerajaan Negeri kini yang sedaya-upaya menjaga kebajikan pekerja awam sepertinya.

"Sudah 25 tahun saya berkhidmat dengan MPPP, dulu memang tidak ada (sumbangan beras), tapi sekarang ini alhamdulillah, rasa dihargai dan terjamin.

"Saya harap sangat usaha sebegini diteruskan kalau boleh dari masa ke masa," katanya yang telah tiga tahun berturut-turut menerima beras hasil sumbangan Ahli-ahli Majlis MPPP.



**MUHAMMAD Shukor Ngani (dua dari kanan), 50, menerima sumbangan beras daripada pegawai MPPP pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

**BAGI Muhammad Nazri Md. Yusob,** 36, beliau berharap sumbangan sebegitu dapat diteruskan ke masa hadapan.

"Syukur sangat, rasa dihargai dan rasa kebajikan kami dijaga.

"Walaupun saya masih bujang, tapi sumbangan sebegini dapat bantu saya sekurang-kurangnya untuk menambah tabungan bulan depan," ujarnya yang telah berkhidmat selama lima tahun bersama MPPP.



**MAZALAN Talib,** 55, berkata, sumbangan beras tersebut sedikit sebanyak membantu menjimatkan duit barang dapur (beli beras) untuk sebulan.

"Terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Majlis MPPP yang ambil peduli hal kebajikan kami, pekerja awam. Alhamdulillah, syukur," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.



**S. Kavarivel,** 52 teruja dengan pemberian beras tersebut.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Majlis MPPP yang mengutamakan kebajikan pekerja awam seperti kami," ujar beliau.




**MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

**IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47/48 | Tetap |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43/44 | Tetap |
| 3. | Pegawai Veterinar | G41 | Tetap |
| 4. | Pegawai Penguatkuasa | N41 | Tetap |
| 5. | Pegawai Keselamatan | KP41 | Tetap |
| 6. | Jururawat | U29 | Tetap |
| 7. | Pereka (Grafik) | B17 | Kontrak |
| 8. | Pengawal Keselamatan | KP11 | Tetap/Kontrak |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian *('on-line')* menerusi portal rasmi http://www.mppp.gov.my. atau http://eperjawatan.mppp.gov.my mulai **8 Februari 2014.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 FEBRUARI 2014**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian berikut:-

**04-2592115 / 2311 / 2245**

# Ingat golongan kurang mampu pada tahun baru - ADUN

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



WONG Hon Wai (tengah, berbaju merah) menyampaikan sumbangan sempena sambutan Tahun Baru Cina kepada salah seorang penerima di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM –** Seramai 50 orang kurang upaya (OKU) dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Eden Handicap Services Centre* (EHSC), Rumah Cahaya Kasih (Jalan Groove) dan *Little Sister of the Poor* (Jalan Batu Lanchang) diraikan dalam majlis ringkas sempena sambutan Tahun Baru Cina di Jalan Cheeseman di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai ketika ditemui berkata, dalam kegirangan dan kemeriahan menyambut tahun baru (Tahun Baru Cina), masyarakat umum juga perlu sentiasa ingat akan golongan kurang berkemampuan.

"Tujuan majlis kita bukan sahaja ingin berkongsi kegembiraan tahun baru dengan golongan memerlukan, tetapi juga membantu meringankan beban mereka," ujarnya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Kira-kira 200 hadirin memeriahkan majlis yang turut dihadiri Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Tan Kim Hooi dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Cheeseman.

Hon Wai berkata, sejumlah 50 buah hamper yang berupakan makanan asasi dan makanan perayaan Tahun Baru Cina disumbangkan kepada mereka yang terpilih.

# Edar limau mandarin pupuk semangat muhibbah



PROF. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) beramah-mesra dengan salah seorang pengunjung yang menerima limau daripada beliau di Pasar Awam Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MUHIBBAH...** Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani baru-baru ini mengedarkan ratusan buah limau mandarin kepada para penduduk dan pengunjung Pasar Awam Taman Chai Leng sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Difahamkan, program edaran buah limau yang diadakan adalah bertujuan memupuk semangat muhibbah dalam kalangan penduduk dan bersama-sama meraikan kemeriahan perayaan walaupun berlainan bangsa.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan beberapa ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Inderawasih.

Dalam pada itu, Kasthuriraani turut meluangkan masa mendengar aduan dan permasalahan dihadapi para peniaga dan pengunjung pasar berkenaan.



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada Majlis Penyampaian Kelengkapan Sekolah di sini baru-baru ini.

## Pelajar pelbagai latar belakang terima sumbangan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI –** Kira-kira 100 pelajar pelbagai latar belakang sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai menerima pelbagai sumbangan kelengkapan sekolah seperti beg, seragam dan wang saku sempena sambutan Tahun Baru Cina di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy semasa berucap merakamkan penghargaan atas inisiatif Dewan Perniagaan Kecil Antarabangsa (JCI United) Pulau Pinang yamg mengambil inisiatif menganjurkan program amal tersebut.

"JCI United adalah sebuah NGO (yang disertai) golongan muda, mereka banyak menyumbang terhadap masyarakat, terutama dari segi pendidikan.

"Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan JCI United...kesedaran JCI United menyumbang kepada masyarakat ini harus dipuji," ujarnya yang juga Timbalan Ketua Menteri II pada majlis Khidmat Kemanusiaan dekat perkarangan Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Presiden JCI United Persekutuan, Datuk Suppiah Manikam, Tony Wong (Presiden JCI United Pulau Pinang) dan William Chan (Pengerusi Penganjur Majlis Sumbangan JCI United) turut hadir pada majlis amal tersebut.

Hadir sama, penaja utama majlis amal itu dermawan, Benson Wong.

Dalam pada itu, Ramasamy turut memuji inisiatif JCI United menganjurkan program 'Setiap Kanak-Kanak Boleh Membaca' secara berkala demi melahirkan komuniti berilmu.

Dalam perkembangan lain, Ramasamy menasihatkan komuniti setempat supaya senantiasa memastikan kawasan rumah masing-masing bebas dari pembiakan nyamuk Aedes.

# Bom gereja bukan ajaran Islam - Afif

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KEPALA BATAS** – Insiden melemparkan dua bahan letupan buatan sendiri jenis ' *'molotov cocktail'* di Gereja Asssumption dekat Lebuh Farquhar, George Town baru-baru ini adalah berlawanan dengan tuntutan Islam serta tidak mengikut sunnah Rasulullah S.A.W..

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberi respon itu semasa ditemui pada majlis mengedarkan limau untuk komuniti Cina di Pekan Kepala Batas di sini sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

"Rasulullah S.A.W sendiri menghormati agama lain dan sepatutnya menjadi sunnah yang patut kita lakukan, bukan bertindak seperti di gereja itu," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak turut menyertai program komuniti tersebut, yang diadakan oleh Pejabat Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Dr. Afif berkata, Allah S.W.T sendiri dalam Al-Quran secara jelas melarang celaan ke atas agama lain demi memelihara imej Islam sebagai agama yang adil.

Beliau memetik ayat 108 dari Surah al-An'am yang bermaksud, *"Dan janganlah kamu memaki sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas (disebabkan) tanpa pengetahuan."*

Justeru, Afif berkata, balingan bom ke atas gereja itu jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, serta Perlembagaan Persekutuan sendiri.

"Jika maki agama lain pun sudah dilarang, baling bom buatan sendiri ke gereja itu lebih-lebih lagi lah dilarang.

"Sepatutnya tidak berlaku insiden ini kerana Perlembagaan Persekutuan sendiri pun menjamin kebebasan untuk beragama," jelas beliau, mengecam pihak pelampau agama terbabit.

Insiden itu dikatakan mempunyai kaitan dengan kain rentang yang bertulis *"Allah is great, Jesus is the son of Allah"* yang digantung di beberapa lokasi dekat Lebuh Farquhar, Sungai Pinang, Pulau Tikus, Gelugor dan Butterworth.



**DR. Afif Bahardin (kiri) menyampaikan bungkusan berisi limau mandarin kepada seorang warga emas di Pekan Kepala Batas di sini baru-baru ini.**



**DR. T. Jayabalan (dua dari kanan) menyampaikan buah limau kepada salah seorang peruncit di Pasar Awam Taman Lip Sin di sini baru-baru ini.**

# Edar limau ramahi umum

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU UBAN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan baru-baru ini meluangkan masa kira-kira satu jam mengedar buah limau di Pasar Awam Taman Lip Sin, Sungai Dua dekat sini.

Selain mengedarkan limau, beliau turut beramah mesra dengan pengunjung pasar awam berkenaan.

"Sudah menjadi tradisi setiap kali menjelang sambutan Tahun Baru Cina, edar buah limau dan ucapan Gong Xi Fa Cai kepada masyarakat Tionghua.

"Musim perayaan inilah masa terbaik bertemu masyarakat setempat," ujarnya.

Tambah beliau, bagi melengkapkan sambutan Tahun Baru kali ini, beliau turut mengedarkan risalah jemputan ke Majlis Rumah Terbuka Sambutan Tahun Baru Cina di Dewan Jubilee Perak, Sungai Dua di sini.




## Info PPK Bayan Lepas



**Pusat Khidmat KADUN Bayan Lepas N38**
**D/A Dewan JKKK Bayan Lepas,**
**11900 Bayan Lepas,**
**Pulau Pinang.**

| | | |
|---|---|---|
| **Isnin – Khamis** | : | **9.00 pagi – 4.00 petang** |
| **Jumaat** | : | **9.00 pagi – 12.30 tengahari**<br>**2.30 petang – 4.00 petang** |
| **Asnah Hashim** | : | **019 - 472 6956 (PPK)** |
| **Md. Saifullizan Razali (Pembantu)** | : | **016 - 599 2918** |

29th World Championship



# 29 WORLD SQUASH CHAMPIONSHIP

## Kejohanan Skuasy Wanita Dunia




## upacara PEMBUKAAN RASMI

**18 Mac 2014 di Arena SPICE**

Dibawakan kepada anda oleh

Dianjurkan oleh
NUSMETRO

Tempat rasmi
SETIA SPICE

Hotel rasmi
EASTIN HOTEL PENANG

**simply the best**